

1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan penyediaan perancangan program perkhidmatan pengembangan pertanian dilaksanakan bagi mencapai produktiviti dengan pengamalan Amalan Pertanian Baik (APB) / Amalan Pengilangan Baik (GMP) melalui Pelan Strategik Pembangunan Pertanian Daerah untuk memenuhi keperluan pelanggan.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh Jabatan Pertanian dalam membuat perancangan program khidmat pengembangan yang melibatkan aktiviti berikut:

- i. Latihan Pegawai Bidang Khas (PBK) oleh Jurulatih Bidang Khas (JBK)
- ii. Latihan Agen Pengembangan (AP)
- iii. Lawatan Pengembangan

3. RUJUKAN

- 3.1 Manual Kualiti MS ISO 9001:2015
- 3.2 Dasar Agromakanan Negara
- 3.3 Pelan Strategik Jabatan Pertanian
- 3.4 Pelan Strategik Pembangunan / Pengembangan Pertanian Negeri
- 3.5 Pelan Strategik Pembangunan Pertanian Daerah
- 3.6 Pelan Strategik Pengembangan Kawasan
- 3.7 Manual Pengembangan Pertanian (Edisi Semak Semula 2008)
- 3.8 Pakej-pakej Teknologi Tanaman, Jabatan Pertanian
- 3.9 Manual Tanaman Jabatan Pertanian
- 3.10 Program Latihan Tahunan Jabatan Pertanian
- 3.11 Senarai Semak Pelan Strategik Pembangunan Pertanian Daerah dan Pelan Strategik Pengembangan Kawasan
- 3.12 Senarai Semak Amalan Pertanian Baik (APB)
- 3.13 Senarai Semak Amalan Pengilangan Baik (GMP)

4. DEFINISI

4.1 Perancangan Tahunan

Perancangan program khidmat pengembangan di peringkat Ibu Pejabat, Negeri, Daerah dan Kawasan Perkhidmatan. Perancangan ini meliputi tiga aktiviti utama adalah seperti berikut:

- a. Latihan PBK oleh JBK
- b. Latihan Agen Pengembangan
- c. Lawatan Pengembangan

4.2 Pelan Strategik Pengembangan Negeri

Pelan yang mengandungi perancangan aktiviti pengembangan Negeri selaras dengan fokus dan halatuju jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Perancangan aktiviti hendaklah mempunyai sasaran yang jelas dan berdasarkan Amalan Pertanian Baik (APB) bagi tempoh lima tahun.

4.3 Pelan Strategik Pembangunan Pertanian Daerah

Pelan yang menggariskan halatuju dan fokus pembangunan pertanian daerah ke arah pencapaian produktiviti mengikut kawasan setempat berdasarkan Amalan Pertanian Baik (APB) / Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi tempoh lima tahun selaras dengan Pelan Strategik Pengembangan Negeri.

4.4 Agen Pengembangan (AP)

AP terdiri daripada semua Pegawai Pertanian dan Penolong Pegawai Pertanian di peringkat persekutuan, negeri dan daerah (semua pegawai skim G (Pertanian)) yang menjalankan aktiviti pengembangan pertanian samada tanaman, komoditi berpotensi dan industri asas tani.

4.5 Agen Pengembangan Tanaman (APT)

APT merupakan Penolong Pegawai Pertanian di peringkat kawasan yang menjalankan aktiviti pengembangan pertanian bagi sub-sektor tanaman.

4.6 Agen Pengembangan Industri Asas Tani (APIAT)

APIAT merupakan Penolong Pegawai Pertanian di peringkat daerah yang menjalankan aktiviti pengembangan pertanian bagi industri asas tani.

4.7 Pegawai Yang Dikenalpasti (PYDKP)

PYDKP merupakan pegawai yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan sesuatu proses kerja.

5. SINGKATAN

PBPP	-	Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian
PBPMI	-	Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan
PPN	-	Pengarah Pertanian Negeri
TPPMI	-	Timbalan Pengarah Pembangunan Modal Insan
TPPN	-	Timbalan Pengarah Pertanian Negeri
PPD	-	Pegawai Pertanian Daerah
PPPD	-	Penolong Pegawai Pertanian Daerah
AP	-	Agen Pengembangan
APT	-	Agen Pengembangan Tanaman
APIAT	-	Agen Pengembangan Industri Asas Tani
PYDKP	-	Pegawai Yang Dikenalpasti

6. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PBPP	<p>6.1 PERANCANGAN PROGRAM PENGEMBANGAN</p> <p>6.1.1 (a) Araahkan PPN untuk menyediakan perancangan aktiviti pengembangan berdasarkan Pelan Strategik Pengembangan Pertanian Negeri sebelum tahun pelaksanaan.</p> <p>6.1.1 (b) Araahkan PBPMI untuk menyediakan perancangan latihan tahunan yang dilaksanakan di ILPP/PLPP sebelum tahun pelaksanaan.</p>
PPN	<p>6.1.2 Araahkan PPD sediakan perancangan aktiviti pengembangan Daerah sebelum tahun pelaksanaan berdasarkan Pelan Strategik Pembangunan Pertanian Daerah.</p>
PPD	<p>6.1.3 Sediakan perancangan aktiviti pengembangan Daerah sebelum tahun pelaksanaan berdasarkan Pelan Strategik Pengembangan Kawasan yang dikemukakan oleh AP.</p>
PBPMI	<p>6.1.4 Araahkan TPPMI menyediakan dan menyelaras perancangan latihan tahunan sebelum tahun pelaksanaan.</p>
TPPMI	<p>6.1.5 Sediakan dan selaraskan perancangan latihan tahunan sebelum tahun pelaksanaan.</p>



<p>PPD</p> <p>TPPN</p> <p>PPN</p> <p>PBPP</p>	<p>6.2 PENYELARASAN PERANCANGAN</p> <p>6.2.1 Selaraskan perancangan aktiviti pengembangan daerah dan kemukakan perancangan aktiviti pengembangan kepada TPPN.</p> <p>6.2.2 Selaraskan perancangan aktiviti pengembangan tahunan negeri.</p> <p>6.2.3 Kemukakan perancangan aktiviti pengembangan negeri ke PBPP sebelum tahun pelaksanaan.</p> <p>6.2.4 Selaraskan perancangan aktiviti pengembangan dari Negeri-negeri bagi pemantauan pelaksanaan bagi tahun tersebut.</p>
<p>PYDKP</p>	<p>6.3 PELAKSANAAN PROGRAM PENGEMBANGAN</p> <p>6.3.1 Laksanakan program pengembangan sepertimana yang dirancang di dalam prosedur Latihan Pegawai Pertanian Bidang Khas, Latihan Pengembangan, Lawatan Pengembangan.</p>
<p>PYDKP</p> <p>PYDKP</p>	<p>6.4 PEMANTAUAN PENCAPAIAN PROGRAM PENGEMBANGAN</p> <p>6.4.1 Pantau pelaksanaan pencapaian program pengembangan sepertimana yang dirancang di dalam prosedur Pemantauan dan Pelaporan Perkhidmatan Pengembangan Pertanian.</p> <p>6.4.2 Teruskan pelaksanaan aktiviti pengembangan jika capai perancangan.</p>



TPPMI, TPPN, PPD

6.4.3 Buat penyelarasan semula bagi setengah tahun pertama sepertimana di para 6.2.1 dan 6.2.2 jika tidak capai perancangan dan sediakan laporan pencapaian.

7. REKOD KUALITI

Bil.	Rekod kualiti	Lokasi	Tempoh penyimpanan
1.	Pelan Strategik Pengembangan Negeri dan Pelan Strategik Pembangunan Pertanian Daerah	Daerah	5 Tahun
2.	Laporan Perancangan Program Pengembangan Jabatan Pertanian	Ibu Pejabat	5 Tahun
3.	Laporan Perancangan Program Pengembangan Negeri	Negeri	5 Tahun
4.	Laporan Perancangan Program Pengembangan Daerah	Daerah	5 Tahun
5.	Perancangan Latihan Jabatan Pertanian	Ibu Pejabat	5 Tahun

8. CARTA ALIRAN KERJA

